



14 MAR, 2023

MITI gariskan masa depan EV



Kosmo, Malaysia

Page 1 of 1



MITI meneliti pengeluar, pengimpor dan jenama kendaraan elektrik (EV) yang boleh diberi peluang bagi pasaran domestik. — GAMBAR HIASAN

MITI gariskan masa depan EV

KUALA LUMPUR — Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dalamusaha merangka satu dasar khusus berkenaan kendaraan elektrik (EV) yang dijangka menyaksikan pertumbuhan progresif dalam masa terdekat.

Timbalan Menteri MITI, Liew Chin Tong berkata, tugas tersebut kini digalas oleh jawatankuasa khas EV di bawah kementerian selepas penubuhannya dilihurstkan Jemaah Menteri pada 17 Februari lalu untuk meneliti pengeluar, pengimpor dan jenama yang boleh diberi peluang

bagi pasaran domestik.

"Aspek kedua membatikan stesen pengcasan, selain rangkaian elektrik dan elektronik (E&E) dengan pengeluar EV."

"Jadi di sini kerajaan memerlukan sedikit masa lagi untuk menggariskan masa depan EV," katanya ketika sesi jawab lisan di Dewan Rakyat semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan Abdul Latiff Abdul Rahman (PN-Kuala Krai) yang ingin tahu berkenaan usaha kerajaan dalam perkembangan EV yang semakin berkembang pantas ketika ini.

Tambah Chin Tong lagi, jika dilihat kepada perkembangan terkini, penghasilan kendaraan elektrik secara domestik mungkin dibuat dalam tempoh sehingga dua tahun lagi.

"Dari segi harga pengeluaran dan kereta, memang ia akan menyaksikan perubahan sangat besar, membabitkan aspek persaingan serta perubahan dari-pada kendaraan enjin konvensional kepada EV."

"Menerusi perkembangan ini, mungkin ada peluang keadaan baharu akan wujud dalam setahun dua lagi," jelas beliau.